BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

No. Ruj.: 04/09/13

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1930 pada hari Rabu, 29 April 2009

Perkembangan Monetari dan Kewangan Mac 2009
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) menurun ke tahap terendah sebanyak 5.16%.

- Pembiayaan bersih kepada sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat pada kadar tahunan sebanyak 10.7%.

- Inflasi menjadi lebih sederhana kepada 3.5% disebabkan terutamanya kenaikan harga yang lebih perlahan bagi kebanyakan subkategori makanan.

- Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras sistem perbankan masing-masing meningkat kepada 13.4% dan 11.5%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

No. Ruj.: 04/09/13

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1930 pada hari Rabu, 29 April 2009

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Mac 2009

Pertumbuhan dalam pembiayaan kasar kepada sektor swasta berterusan pada bulan Mac. Pertumbuhan disokong oleh pengeluaran pinjaman dan terbitan sekuriti hutang swasta (private debt security, PDS) yang lebih besar. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 10.7%. Jumlah pinjaman terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 10.9%.

Pada tempoh 1 Mac – 28 April, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 1.99% - 2.01%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil. Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) tidak berubah antara bulan Mac hingga April. Pada 15 April, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan 1 hingga 12 bulan berada dalam julat 2.02% hingga 2.52%. Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata pada 15 April adalah lebih rendah sebanyak 5.53% berbanding dengan akhir bulan Februari (5.89%), manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) menurun ke tahap terendah sebanyak 5.16% pada akhir bulan Mac (5.49% pada bulan Februari).

Pada 1 Mac hingga 28 April, ringgit menambah nilai sebanyak 2.1% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS). Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit juga menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (0.8%) tetapi menyusut

nilai berbanding dengan dan euro (-0.4%) dan paun sterling (-0.3%). Berbanding dengan mata wang serantau pula, ringgit menambah nilai berbanding dengan renminbi China (1.9%), peso Filipina (2.4%) dan baht Thailand (0.5%). Walau bagaimanapun, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar Singapura (-0.7%). Ringgit menyusut nilai dengan ketara berbanding dengan won Korea (-9.5%) dan rupiah Indonesia (-7.5%) memandangkan mata wang tersebut pulih semula daripada perkembangan buruk dalam pertukaran asing pada bahagian awal tahun disebabkan oleh faktor-faktor khusus di negara tersebut.

Inflasi terus menjadi sederhana kepada 3.5% pada bulan Mac disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kebanyakan subkategori makanan. Pengurangan tarif elektrik isi rumah pada 1 Mac juga menyumbang kepada penyederhanaan inflasi.

Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar tahunan lebih perlahan sebanyak 7.3%. Pada bulan Mac, wang secara luas bertambah sebanyak RM5.1 bilion disebabkan oleh perbelanjaan Kerajaan dan pemberian kredit oleh bank.

Sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing meningkat kepada 13.4% dan 11.5%. Sementara itu, pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih terus tidak berubah pada 2.2% daripada jumlah pinjaman bersih.

Kadar faedah terus stabil

Pada tempoh 1 Mac hingga 28 April, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 1.99% - 2.01%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan tidak berubah antara bulan Mac hingga April. Pada 15 April, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan 1 hingga 12 bulan berada dalam julat 2.02% hingga 2.52%.

Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata pada 15 April adalah lebih rendah sebanyak 5.53% berbanding dengan akhir bulan Februari (5.89%), manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) menurun ke tahap terendah iaitu 5.16% pada akhir bulan Mac (5.49% pada bulan Februari).

Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat kecil



Kadar antara bank lain juga secara relatif stabil





BNM terus menyerap mudah tunai lebihan



BLR bank perdagangan tidak berubah, manakala ALR pula menurun



Nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan-deposit secara relatif stabil pada bulan Mac

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Feb 09	2.05	2.07	2.07	2.08	2.55
Mac 09	2.02	2.04	2.05	2.06	2.52
15 Apr 09	2.02	2.04	2.05	2.06	2.52

Kadar FD purata tidak berubah antara bulan Mac hingga 15 April

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan



Kadar FD benar terus negatif

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS

Pada 1 Mac hingga 28 April, ringgit menambah nilai sebanyak 2.1% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS). Prestasi kukuh ringgit berbanding dengan dolar AS mencerminkan trend umum dalam mata wang serantau. Ini berikutan kesanggupan mengambil risiko yang bertambah baik oleh pelabur terhadap aset kewangan dalam pasaran sedang pesat membangun. Langkah-langkah dasar agresif yang diperkenalkan oleh negara-negara maju dan tanda-tanda awal kestabilan beberapa penunjuk ekonomi AS telah menyebabkan jangkaan bahawa keadaan pasaran kewangan antarabangsa akan kembali normal. Ringgit juga mendapat manfaat daripada reaksi pasaran yang menggalakkan terhadap Pakej Rangsangan Kedua yang diumumkan pada 10 Mac. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit juga menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (0.8%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan euro (-0.4%) dan paun sterling (-0.3). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai

berbanding dengan renminbi China (1.9%), peso Filipina (2.4%) dan baht Thailand (0.5%). Walau bagaimanapun, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar Singapura (-0.7%). Ringgit menyusut nilai dengan ketara berbanding dengan won Korea (-9.5%) dan rupiah Indonesia (-7.5%) memandangkan mata wang tersebut pulih semula daripada perkembangan buruk dalam pertukaran asing pada bahagian awal tahun disebabkan oleh faktor-faktor khusus di negara tersebut.



Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS dan yen tetapi menyusut nilai berbanding dengan euro dan paun sterling



Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 08	Feb 09	Mac 09	28 Apr 09	Akhir Dis 08 - 28 Apr 09	Akhir Feb 09 - 28 Apr 09
Dolar AS	3.4640	3.6925	3.6470	3.6180	-4.3	2.1
Euro	4.8759	4.6952	4.8348	4.7117	3.5	-0.4
Paun sterling	4.9989	5.2699	5.2203	5.2852	-5.4	-0.3
100 yen Jepun	3.8327	3.7862	3.7091	3.7560	2.0	0.8
Dolar Singapura	2.4070	2.3956	2.4008	2.4118	-0.2	-0.7
100 baht Thailand	9.9398	10.248	10.266	10.193	-2.5	0.5
100 peso Filipina	7.2774	7.5829	7.5343	7.4056	-1.7	2.4
100 rupiah Indonesia	0.0316	0.0308	0.0315	0.0333	-5.0	-7.5
100 won Korea	0.2750	0.2428	0.2630	0.2682	2.6	-9.5
Renminbi China	0.5076	0.5398	0.5335	0.5299	-4.2	1.9

Inflasi terus sederhana

Inflasi terus menjadi sederhana kepada 3.5% pada bulan Mac (Februari: 3.7%). Seperti bulan sebelumnya, penyederhanaan inflasi sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan harga yang lebih perlahan bagi kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* (8.8% berbanding dengan 9.2% pada bulan Februari). Semua subkategori makanan lain mencatat kadar kenaikan harga yang lebih perlahan pada bulan Mac kecuali subkategori *buah-buahan* and *makanan di luar rumah*. Berikutan penurunan tarif elektrik isi rumah dengan purata wajaran sebanyak 2.54% pada 1 Mac, inflasi dalam kategori *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain* menjadi sederhana sedikit kepada 1.4% pada bulan Mac (Februari: 1.5%). Sementara itu, harga dalam kategori *pengangkutan* merosot lagi sebanyak 2.1% (Februari: -2.1%).



Inflasi menjadi sederhana kepada 3.5% pada bulan Mac



Harga pengeluar menurun lagi pada bulan Februari

Indeks harga pengeluar (IHPR) menurun 6.3% pada bulan Februari (Januari 2009: -4.5%). Seperti bulan sebelumnya, penurunan ini disebabkan terutamanya oleh harga komponen IHPR berkaitan komoditi yang ketara lebih rendah. Harga dalam komponen IHPR ini merosot sebanyak 18.8% pada bulan Februari (Januari: -14.0%). Harga komponen IHPR bukan berasaskan komoditi menurun pada kadar lebih cepat sedikit iaitu 0.5% (Januari 2009: -0.2%).

Mengikut komposisi, harga komponen IHPR tempatan dan diimport terus menurun pada kadar yang lebih cepat. Pada bulan Februari 2009, harga komponen IHPR tempatan menurun 8.1% (Januari: -5.6%), sementara harga komponen diimport menurun sebanyak 2.4% (Januari: -2.2%). Penurunan harga pengeluar yang berterusan akan menyebabkan harga pengguna terus menjadi sederhana.

Harga pengeluar terus menurun pada bulan Februari



Agregat monetari bertambah pada kadar lebih perlahan

Pada bulan Mac, wang secara luas atau M3 bertambah sebanyak RM5.1 bilion, untuk berkembang pada kadar tahunan yang lebih perlahan sebanyak 7.3%. Penambahan ini disokong oleh faktor domestik yang memberikan kesan pengembangan, termasuk perbelanjaan Kerajaan dan pemberian kredit oleh bank. Sementara itu, aset luar negeri sistem perbankan menurun sedikit memandangkan aliran masuk portfolio diimbangi oleh aliran keluar perdagangan.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Dis 08	**Jan 09**	**Feb 09**	**Mac 09**
M3	22.4	14.2	-1.7	5.1
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	21.6	5.6	-1.3	1.6
Tuntutan ke atas sektor swasta	1.7	2.8	0.7	1.4
Pinjaman	*1.7*	*2.1*	*1.4*	*1.1*
Sekuriti	*0.1*	*0.8*	*-0.6*	*0.3*
Aset luar bersih *	-2.8	3.1	1.9	-1.3
Pengaruh lain	1.9	2.6	-3.0	3.5

* Sebelum penilaian semula

M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.



Deposit sistem perbankan meningkat pada bulan Mac

Jumlah deposit dengan sistem perbankan bertambah sebanyak RM9.3 bilion atau pada kadar tahunan sebanyak 8.0% pada bulan Mac (Februari: -RM0.3 bilion, 8.3%). Penambahan deposit disebabkan oleh pembayaran perbelanjaan oleh Kerajaan pada bulan tersebut. Mengikut pelanggan, deposit yang lebih tinggi berpunca daripada penempatan deposit oleh institusi kewangan, perusahaan perniagaan dan sebahagian kecilnya oleh individu. Mengikut jenis pula, peningkatan dalam deposit adalah terutamanya dalam bentuk deposit instrumen boleh niaga (negotiable instruments of deposits, NID) dan deposit sistem perbankan Islam (Islamic banking system, IBS).

Deposit mengikut Penyimpan

(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Dis 08	**Jan 09**	**Feb 09**	**Mac 09**
Kerajaan Persekutuan	620	-604	2,709	-2,612
Kerajaan Negeri	226	-588	1,542	305
Badan Berkanun [1]	-1,272	-2,134	627	-323
Institusi Kewangan	13,789	-4,056	-3,533	7,251
Perusahaan Perniagaan	13,195	6,673	-5,075	3,660
Individu	5,038	4,858	2,434	1,582
Lain-lain [2]	-2,453	391	1,016	-533
Jumlah	29,144	4,540	-279	9,328

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis

(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Dis 08	**Jan 09**	**Feb 09**	**Mac 09**
Deposit tetap	4,423	9,864	2,193	-38
NID	4,913	-4,316	-4,643	3,769
Deposit permintaan	6,118	-1,834	252	-155
Deposit tabungan	2,047	523	1,968	736
Perjanjian beli balik (Repo)	-12	41	-30	560
Deposit mata wang asing	-995	2,947	466	-645
Deposit SPI[1]	4,775	-2,460	1,433	3,170
Lain-lain[2]	7,875	-225	-1,975	1,962
Jumlah	29,144	4,540	-279	9,328

1/ Deposit SPI merujuk kepada deposit sistem perbankan Islam

2/ Lain-lain deposit merangkumi terutamanya deposit jangka pendek

Pembiayaan kasar meningkat dengan ketara

Pertumbuhan dalam pembiayaan kasar kepada sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berterusan pada bulan Mac. Pertumbuhan disokong oleh pengeluaran pinjaman dan terbitan PDS yang lebih besar. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 10.7% pada akhir bulan Mac (Februari: 10.9%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



[1] Tidak termasuk terbitan pelabur asing

Pembiayaan kasar meningkat dengan ketara pada bulan Mac



Semua penunjuk pinjaman utama meningkat…

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion			Pertumbuhan Tahunan (%)		
	Feb-09	Mac-09	J-M 09	Feb-09	Mac-09	J-M 09
Jumlah						
Permohonan pinjaman	34.1	42.4	108.1	8.1	4.7	-3.5
Kelulusan pinjaman	18.0	24.3	58.9	-15.9	-0.7	-17.8
Pengeluaran pinjaman	43.5	55.5	148.1	-5.6	9.0	-2.3
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.4	4.6	10.3	10.9	10.9	10.9
Perusahaan perniagaan						
Permohonan pinjaman	17.6	18.6	52.0	14.1	-11.0	-7.8
Kelulusan pinjaman	8.0	11.1	26.1	-29.2	-13.0	-31.5
Pengeluaran pinjaman	29.2	38.8	100.8	-9.1	7.8	-5.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	-0.4	-0.2	1.1	10.0	9.5	10.0
PKS[2/]						
Permohonan pinjaman	6.6	7.9	20.2	-13.7	-9.8	-17.7
Kelulusan pinjaman	3.0	3.4	8.9	-19.2	-25.4	-30.6
Pengeluaran pinjaman	11.2	11.5	34.7	-17.2	-11.1	-14.0
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	-3.0	-0.1	-6.3	0.4	-0.7	0.4
Isi rumah						
Permohonan pinjaman	16.5	23.8	56.1	2.4	21.5	0.9
Kelulusan pinjaman	9.9	13.2	32.8	-0.8	12.6	-2.2
Pengeluaran pinjaman	14.3	16.7	47.2	2.5	11.9	4.7
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.2	1.5	5.4	8.9	8.8	8.9

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.
[2/] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

…disokong oleh sektor perniagaan dan isi rumah



Pengeluaran pinjaman terus menyeluruh

Penunjuk pinjaman utama adalah lebih tinggi pada bulan Mac berbanding dengan bulan Februari. Permintaan sektor perniagaan terhadap pembiayaan meningkat pada bulan Mac seperti yang dicerminkan oleh permohonan pinjaman yang lebih tinggi sebanyak RM18.6 billion. Pengeluaran pinjaman perniagaan juga meningkat kepada RM38.8 bilion, dengan dana disalurkan terutamanya kepada sektor *harta tanah; pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi*; dan *perkhidmatan sosial, masyarakat dan persendirian*. Pada akhir bulan Mac, pinjaman perniagaan terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 9.5% (akhir bulan Februari: 10.0%).

Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman untuk sektor isi rumah meningkat pada bulan Mac terutamanya disebabkan oleh pinjaman yang lebih tinggi untuk pembelian harta kediaman dan penggunaan kad kredit. Pinjaman isi rumah terkumpul berkembang 8.8% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Februari: 8.9%).

Dana bersih yang lebih tinggi diperoleh dalam pasaran modal

Pemerolehan dana bersih dalam pasaran modal berjumlah RM11 bilion pada bulan Mac. Dalam sektor awam, sejumlah RM12.3 bilion telah diperoleh melalui pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia 3 tahun dan 5 tahun, dan melalui terbitan Bon Simpanan Merdeka. Pada asas bersih, pemerolehan dana bersih oleh sektor awam berjumlah RM6.6 bilion. Dalam sektor swasta, pemerolehan dana kasar juga meningkat dengan ketara kepada RM6.8 bilion, daripada RM1.9 bilion yang diperoleh pada bulan Februari. Sebahagian besar dana telah diperoleh syarikat daripada sektor *kewangan*; *pengangkutan* dan *pembinaan*. Selepas membuat penyelarasan bagi penebusan, pemerolehan dana bersih oleh sektor swasta berjumlah RM4.4 bilion.



1/ Termasuk Cagamas Bon

KLCI menurun pada bulan Mac

Pada bulan Mac, KLCI ditutup lebih rendah pada 872.6 mata (akhir Februari: 890.7 mata). Pada separuh pertama bulan Mac, KLCI merosot akibat penunjuk ekonomi dalam negeri dan serantau yang lebih lemah. Walau bagaimanapun, sentimen pasaran bertambah baik pada separuh kedua bulan Mac disebabkan oleh pengumuman Pakej Rangsangan Kedua dan perkembangan positif dalam pasaran global. Pemodalan pasaran merosot kepada RM662.1 bilion (sejak akhir Februari: -0.8%) manakala urus niaga purata harian meningkat kepada 444.6 juta unit (Februari: 396.2 juta unit).



KLCI menurun pada bulan Mac tetapi lebih tinggi pada bulan April

Pada 28 April, KLCI ditutup lebih tinggi pada 965.7 mata (sejak akhir Mac: +10.7%). Pemodalan pasaran secara keseluruhan lebih tinggi pada RM 735.1 bilion (sejak akhir Mac: +11.0%) manakala urus niaga purata harian meningkat kepada 1,216.9 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM320.7 bilion (bersamaan dengan USD87.8 bilion) pada 31 Mac 2009. Paras rizab ini telah mengambil kira peningkatan nilai rizab hasil daripada pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing, berikutan penambahan nilai sebahagian mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku pertama. Pada 15 April 2009, rizab antarabangsa berjumlah RM320.1 bilion (bersamaan dengan USD87.7 bilion). Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh dan ialah 4 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Nota: Mulai akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, dengan mengambil kira entiti luar pesisir di Labuan IBFC sebagai pemastautin

Tahap permodalan kukuh dan pinjaman tak berbayar sistem perbankan stabil

Nisbah modal bertambah kukuh pada bulan Mac disokong sebahagian besarnya oleh langkah memperoleh modal oleh beberapa buah institusi perbankan dalam usaha meningkatkan lagi keupayaan menanggung risiko berikutan persekitaran yang lebih mencabar. Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) meningkat kepada 13.4% manakala nisbah modal teras meningkat kepada 11.5%. Pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih terus tidak berubah pada 2.2% daripada jumlah bersih pinjaman.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	Jan 09	Feb 09	Mac 09
Modal (%) **										
Nisbah modal teras	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.2	10.6	11.0	11.1	11.5
RWCR	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.2	12.7	12.9	13.1	13.4
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	3.2	2.2	2.2	2.2	2.2
Jumlah (RM juta)	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	20,011	15,897	15,812	15,863	16,029
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7

* Jadual ini termasuk bank-bank Islam.
** Mulai Mac 2008, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras mengambil kira institusi perbankan yang menerima pakai pendekatan standard di bawah Basel II

Penunjuk Kekukuhan Modal



Permodalan sistem perbankan terus kukuh…

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

…dan NPL terus berada pada paras rendah

Bank Negara Malaysia
29 April 2009

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Jan 09		Feb 09		Mac 09	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		73.7	5.8	60.5	-10.6	54.1	-17.5
M1		183.8	4.7	179.2	3.9	179.7	3.5
M2		916.8	10.7	914.7	9.5	921.9	9.3
M3		945.9	9.0	944.2	7.8	949.3	7.3
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		976.8	9.2	976.5	8.3	985.8	8.0
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		727.8	11.6	729.2	10.9	733.9	10.9
Nisbah pinjaman-deposit (%)		73.3		73.6		73.7	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		80.9		81.1		80.8	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		31.6	-20.9	34.1	8.1	42.4	4.7
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		16.7	-35.5	18.0	-15.9	24.3	-0.7
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		49.1	-10.0	43.5	-5.6	55.5	9.0
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		47.7	-3.5	41.8	-3.5	48.4	4.8
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		12.9		13.1		13.4	
NPL bersih: Klasifikasi 3 bulan (%)		2.2		2.2		2.2	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		316.7		315.9		320.7	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		91.3		91.1		87.8	
Bilangan bulan import tertangguh		7.8		8.0		8.1	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.50		2.00		2.00	
Antarabank:	Semalaman	2.50 [3.05]		1.99 [2.42]		2.00 [2.00]	
	Seminggu	2.52 [3.07]		2.03 [2.44]		2.03 [2.02]	
	1 bulan	2.56 [3.02]		2.06 [2.46]		2.06 [2.05]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	2.54		2.05		2.02	
	3 bulan	2.54		2.07		2.04	
BLR bank perdagangan		6.38		5.89		5.53	
ALR bank perdagangan		5.77		5.49		5.16	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		111.7	3.9	111.9	3.7	111.7	3.5
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		131.9	-4.5	130.3	-6.3	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.6085		3.6925		3.6470	
Euro		4.6517		4.6952		4.8348	
Paun Sterling		5.1259		5.2699		5.2203	
100 Yen Jepun		4.0379		3.7862		3.7091	
Dolar Singapura		2.3923		2.3956		2.4008	
100 Baht Thailand		10.3307		10.2484		10.266	
100 Peso Filipina		7.6193		7.5829		7.5343	
100 Rupiah Indonesia		0.0318		0.0308		0.0315	
100 Won Korea		0.2609		0.2428		0.2630	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	5.7		-1.5		6.6	
	swasta	-1.0		-2.4		4.4	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		884.5		890.7		872.6	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		667.9		667.4		662.1	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.